

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 21/05/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 16

Tajuk : 5,000 koperasi bakal berhimpun kongres Koperasi Kebangsaan

## 5,000 koperasi bakal berhimpun kongres Koperasi Kebangsaan

**SHAH ALAM** – Sebanyak 5,000 koperasi di seluruh negara bakal dihimpunkan dalam Kongres Koperasi Kebangsaan yang dijadualkan berlangsung pada 25 Julai depan.

Kongres kali ketiga di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur itu diadakan selepas kali terakhir dianjurkan lebih 55 tahun lalu iaitu pada 1969.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, pe-

nganjaran persidangan seumpama itu penting bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan gerakan koperasi.

Menurutnya, kongres itu akan memfokuskan agenda membahaskan resolusi selepas libat urus koperasi di peringkat negeri yang dijalankan sebelum ini.

"Terdapat empat perkara utama yang mahu dilihat antaranya berkaitan ekosistem, identiti dan akta keseluruhan yang melibatkan koperasi," katanya selepas merasmikan Program

Durian Harvest Koperasi Usaha Maju Kuala Lumpur (Komaju) di sini kelmarin.

Abdul Fattah berkata, koperasi disarankan menerokai bidang pertanian baharu berimpak tinggi seperti durian, vanilla dan buah koko yang dilihat menerima permintaan tinggi di peringkat antarabangsa.

"Koperasi perlu lebih terbuka menjalin kerjasama dengan semua pihak termasuk entiti bukan koperasi dalam memperluaskan lagi operasi mereka," ujarnya.



ABDUL FATTAH (lima dari kanan) ketika merasmikan Program Durian Harvest Komaju di Shah Alam kelmarin.